



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA – UNTUK SIARAN SEGERA

INSIDEN KAPAL PENGANGKUT PASIR GT 298 KARAM DI PERAIRAN KUALA SUNGAI LINGGI

KUALA SUNGAI LINGGI, 25 Julai 2025 – Pada jam kira-kira 5.51 petang, Pejabat Laut Kuala Sungai Linggi telah menerima maklumat daripada wakil kontraktor utama projek penambakan pasir bahawa sebuah kapal pengangkut pasir, GT 298, telah karam berhampiran kawasan projek Kuala Linggi International Port (KLIP).

Kapal GT 298 yang berdaftar di Freetown, Sierra Leone (nombor rasmi: SLR10710; nombor IMO: 8655746) dilaporkan karam di koordinat 02° 22.4774' Utara dan 101° 57.4847' Timur. Kesemua 17 anak kapal berjaya diselamatkan oleh bot milik TAG Marine Sdn. Bhd. Tiada kecederaan serius dilaporkan.

Sebagai langkah awal, pasukan *Oil Spill Response* (OSR) TAG Marine bersama kontraktor pengurusan tumpahan minyak telah melaksanakan pemasangan benteng minyak (oil boom) bagi mencegah sebarang pencemaran laut. Sehingga kini, tiada tumpahan minyak dikesan di lokasi kejadian.

Sebuah syarikat salvaj telah dilantik dan sedang menilai kaedah yang sesuai untuk melaksanakan kerja-kerja menyelamatkan kapal tersebut.

Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah menubuhkan sebuah jawatankuasa siasatan bagi menyiasat punca insiden dan akan terus memantau perkembangan situasi di lokasi kejadian. JLM komited bekerjasama rapat dengan semua pihak berkaitan demi memastikan keselamatan maritim serta pemeliharaan alam sekitar sentiasa terpelihara.

Orang ramai dinasihatkan untuk tidak menyebarkan maklumat yang tidak sahih serta merujuk kepada saluran rasmi bagi mendapatkan perkembangan terkini berhubung insiden ini.

JABATAN LAUT MALAYSIA
29 JULAI 2025

-TAMAT



Ibu Pejabat Laut, Menara Dius Api, PT 664 Jalan Limbungan, 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: 603-3162 9988 | Laman Web: www.marine.gov.my



JABATAN LAUT MALAYSIA

MEDIA RELEASE – FOR IMMEDIATE RELEASE

SAND CARRIER VESSEL GT 298 SINKS IN THE WATERS OF KUALA SUNGAI LINGGI

KUALA SUNGAI LINGGI, 25 July 2025 – At approximately 5:51 PM, the Kuala Sungai Linggi Marine Office received a report from the main contractor of a sand reclamation project that a sand carrier vessel, GT 298, had sunk near the Kuala Linggi International Port (KLIP) project site.

The GT 298 vessel, registered in Freetown, Sierra Leone (Official Number: SLR10710; IMO Number: 8655746), sank at coordinates 02° 22.4774' North and 101° 57.4847' East. All 17 crew members were successfully rescued by a vessel owned by TAG Marine Sdn. Bhd., with no serious injuries reported.

As an immediate response, the Oil Spill Response (OSR) team from TAG Marine, in collaboration with the appointed oil spill management contractor, deployed an oil boom to contain any potential marine pollution. As of now, no oil spill has been detected at the incident site.

A salvor has been appointed and is currently assessing the most appropriate method for the salvage operation.

The Malaysia Marine Department (MMD) has established an Investigation Committee to determine the cause of the incident and will continue to monitor the situation closely. MMD is committed to working closely with all relevant parties to ensure maritime safety and environmental protection are upheld.

The public is advised not to spread unverified information and to refer only to official sources for updates on this incident.

**MALAYSIA MARINE DEPARTMENT
29 JULY 2025**

-END-



Ibu Pejabat Laut, Menara Dius Api, PT 664 Jalan Limbungan, 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: 603-3162 9988 | Laman Web: www.marine.gov.my